

PEPERIKSAAN AKHIR

Semester	:	JANUARI 2025 SEMESTER
Nama Program	:	DIPLOMA IN LOGISTICS MANAGEMENT DIPLOMA IN E-BUSINESS TECHNOLOGY
Kod & Nama Kursus	:	MPU2213 BAHASA KEBANGSAAN A
Masa	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Sila baca arahan yang diberikan dalam kertas soalan dengan teliti.
2. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan sahaja.
3. Sila jawab **KESEMUA** soalan.
4. Sila jawab soalan di dalam kertas jawapan peperiksaan yang disediakan.
5. Kamus elektronik, nota, file atau sebarang bahan kecuali alat penulisan adalah dilarang.

Kertas soalan ini mestilah dihantar bersama-sama dengan semua kertas kasar yang telah digunakan/tidak digunakan serta kertas graf (jika ada). Calon **DILARANG** mengambil sebarang bahan peperiksaan keluar dari dewan peperiksaan.

AMARAN:

Lembaga Peperiksaan Kolej Peninsula, Georgetown menganggap tindakan meniru sebagai satu kesalahan yang paling serius dan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan hukuman yang berat keatas kesalahan yang dilakukan. Ini seiring dengan klausa yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelajar termasuklah mengambil tindakan memberhentikan pelajar dari Kolej Peninsula, Georgetown.

(Kertas jawapan in mengandungi 3 halaman yang bercetak termasuklah halaman ini)
**DILARANG MEMBUKA KERTAS JAWAPAN INI SEHINGGA DIBENARKAN
BERBUAT DEMIKIAN**

Jawab kesemua **EMPAT (4)** soalan yang disediakan.

[100 markah]

1.

Surat rasmi adalah surat yang ditulis dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat, permohonan, arahan, atau pemberitahuan secara formal antara individu, organisasi, atau institusi. Surat ini biasanya menggunakan bahasa yang baku dan teratur, serta mempunyai format yang ditetapkan agar ia kelihatan profesional dan mudah difahami oleh penerima.

Berdasarkan kepada definisi surat rasmi di atas, jawab soalan-soalan yang berikut:

- a) Nyatakan **SATU (1)** jenis **surat rasmi** dan **EMPAT (4)** ciri yang perlu ada pada setiap surat rasmi. (5 markah)
- b) Sebagai seorang graduan baru, anda ingin memohon jawatan kosong sebagai seorang guru sambilan di sebuah sekolah persendirian yang terkemuka di Kuala Lumpur. Karangkan surat rasmi memohon jawatan tersebut dengan selengkapnya. (20 markah)
- Jumlah: [25 markah]

2. a. Tukarkan ayat-ayat transitif aktif berikut kepada ayat transitif pasif:

- (i) Ibu Salmah memotong buah-buahan di dapur.
- (ii) Saya memancing ikan di Sungai Golek.
- (iii) Jamaludin mengharungi Benua Asia.
- (iv) Puan Ramah menjahit sehelai baju merah untuk cucunya.
- (v) Dia menulis sebuah karangan yang menarik.

(10 markah)

b)

Pola Ayat		Ayat dasar
Pola Ayat 1	FN + FN	i.
Pola Ayat 2	FN + FK	ii.
Pola Ayat 3	FN + FA	iii.
Pola Ayat 4	FN + FSN	iv.

Berdasarkan kepada kotak di atas, bina ayat dasar untuk setiap pola ayat yang berkaitan. (10 markah)

- c) Bina ayat untuk menjelaskan perbezaan di antara **ayat tunggal** dengan **ayat majmuk**. (5 markah)
- Jumlah: [25 markah]

3. a) Jelaskan proses pembentukan ayat susunan **Songsang**. Anda juga perlu sertakan **SATU (1)** contoh ayat **susunan biasa** berserta dengan **SATU (1)** ayat **susunan songsang**. (5 markah)

- b) Isikan ruang kosong dalam ayat-ayat berikut dengan Kata Sendi Nama/Kata Bantu/Kata Penafi sahaja.

No	AYAT
i)	Abang menerima sebuah bungkusan _____ kawan karibnya.
ii)	Sonia _____ pandai menari.
iii)	Anak patung itu diperbuat _____ kayu.
iv)	Rombongan kami baru sahaja sampai _____ kaki Gunung.
v)	Kami berharap pihak polis _____ menyiasat kes itu.
vi)	Ahmad berjalan kaki _____ sekolah setiap pagi.
vii)	Bunyi bising itu datang _____ bawah rumah.
viii)	Mutu _____ melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya.
ix)	Karim _____ adik saya.
x)	Amin _____ mencuci keretanya di halaman rumah.

(10 markah)

- c) Buat **SATU (1)** ayat untuk setiap yang berikut: (10 markah)

- i) Ayat Penyata
- ii) Ayat Tanya
- iii) Ayat Perintah
- iv) Ayat Seruan

Jumlah: [25 markah]

4. a) Nyatakan **DUA (2)** perbezaan diantara **sajak bebas** dengan **sajak konkrit**. (5 markah)

- b) Lengkapkan jawapan dalam kotak yang disediakan di bawah.

Imbuhan Awalan	Fungsi imbuhan	Kata Terbitan
Anti	(i)	
Auto	(ii)	
Eka	(iii)	
Juru	(iv)	
Dwi	(v)	

(10 markah)

- c) Bincangkan maksud **Retorik** dan senaraikan **ENAM (6)** jenisnya.

(10 markah)

Jumlah: [25 markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT -